






(Muka sebelah) Tiga belas batu-batu besar membentuk cincin di pusat monolith pusingan batu-batuan Callinish di Pulau Lewis, utara Outer Hebrides; (muka ini) Sarang puffin dalam lubang tanah di pantai pulau-pulau yang mengelilingi Outer Hebrides, Scotland; (Facing page) Thirteen massive stones form a ring around the central monolith of the Callinish stone circle on the northern Hebridean island of Lewis; (this page) Puffins nest in burrows on offshore islands around Scotland's Outer Hebrides

Penempatan Zaman Batu

Sejarah kepulauan Outer Hebrides di Scotland terpahat pada binaan batu yang menjadi kediaman mereka sejak zaman dahulu kala.

TEKS ASAL STELLA MARTIN GAMBAR CHARLES TAIT
TERJEMAHAN MARLYSA RAZAK

(Bawah) Castlebay adalah penempatan utama di Isle of Barra; (kanan) Selepas 3,000 tahun, dinding-dinding besar broch Dun Carloway di Lewis setinggi hampir sembilan meter masih utuh; (muka sebelah) Gearrannan, berhampiran Carloway, ialah perkampungan rumah hitam yang telah dibaikpulih lengkap dengan hostel, kotej dan pusat interpretatif (Bottom) Castlebay is the main settlement on the Isle of Barra; (right) After 3,000 years, the massive walls of the Dun Carloway broch, on Lewis still stand up to nine metres high; (facing page) Gearrannan, near Carloway, is a restored blackhouse village with a hostel, self-catering cottages and an interpretative centre



Between a rock and a hard place

The Outer Hebrides, a chain of over 200 islands off the north-west coast of Scotland, is a pristine vestige of the Stone Age and much of it is rocky landscape, made up of natural formations and man-made architecture. Cairns and brochs, erected thousands of years ago, still stand firm as do the great stones of Callanish. Made up of 13 massive stones encircling a 4.7-metre tall monolith, they are like a northern Stonehenge and are in fact, older. There are no ticket booths, turnstiles or hordes of tourists, just let yourself through the gate and wander around and through the stones. That is one of the wonderful aspects of these islands – ancient remains of human endeavour are mainly unfenced and unguarded, left as they always have been, open to the weather and the curious passer by.

Di tengah-tengah susunan bongkah batu, saya ternampak lubang. Saya teruja. Tanpa berlengah, saya terus menuju ke arahnya itu dan merangkak perlahan-lahan memasuki laluan. Kira-kira satu atau dua meter di dalam, laluan itu kelihatan seolah-olah terbuka. Saya segera menyalakan lampu picit. Di sebelah kiri, ada batu leper besar yang disusun secara berlapis-lapis, seperti siling sebuah bilik. Kehadiran batu leper itu secara tidak langsung menyokong timbunan batu yang ada di situ. Beratnya, saya percaya mesti mencapai tan, tetapi saya tidak gementar kerana struktur ini telah berada di sana kira-kira 5,000 tahun. Tidak mungkin akan runtuh sekarang. Di luar, saya dengan susah payah memanjat batu-batu, memijak tumbuh-tumbuhan renik dan meranduk paya bertanah gambut untuk melihat sendiri keistimewaan binaan batu ini. Saya menganggarkan ukuran binaan batu itu sekitar 24 meter diameter dan lima meter tinggi. Di dalam binaan batu itu, ada sisa-sisa tulang manusia, barangan tembikar neolitik dan serpihan batu berukir yang pada anggapan saya digunakan oleh manusia zaman batu untuk acara pengebumian.

Ini ialah Bharpa Langass iaitu binaan batu berbentuk piramid terbaik di Outer Hebrides, pesisiran Pantai Barat Laut Scotland. Walaupun jelas kelihatan dari tepi jalan raya, namun jarang dikunjungi. Hakikatnya, ia salah satu binaan batu paling menarik di pulau ini – terdapat barangan

tinggalan manusia tanpa dikawal atau berpagar di situ. Ia juga terdedah kepada sebarang keadaan cuaca dan lalu lalang. Langass terletak di Utara Uist, pulau terbesar antara 200 pulau yang membentuk Outer Hebrides. Kehidupan di sini bukanlah mudah. Banyak pulau kecil kini terbiar tanpa penghuni. Ada yang semakin kurang penduduknya kerana penghijrahan golongan muda. Mungkin, waktu pertama kali dikunjungi oleh sekumpulan pemburu, iklim di pulau itu lebih baik. Sementara itu, di Lewis, iaitu pulau yang terletak paling utara, terdapat bukti bahawa pokok barli dan beberapa tanaman lain tumbuh subur namun kini hanya ada paya bertanah gambut.

Barangkali juga, pada masa itulah batu keagungan Callanish terpacak. Saya berdiri dengan penuh rasa kagum di depan 13 batu besar yang membentuk bulatan dan mengelilingi sebongkah batu lain berukuran 4.7 meter tinggi. Ada 33 batu lagi membentuk seperti barisan yang menuju ke arah bulatan itu. Berhampiran bahagian tengah terdapat bekas peninggalan satu lagi binaan batu. Batu di Callanish ini sama seperti batu di bahagian Utara Stonehenge yang muncul 5,000 tahun lalu atau lebih tua. Tidak ada gerai tiket atau kumpulan pelancong. Kami masuk melalui pintu pagar dan berjalan-jalan mengelilingi batu itu dengan mudah tanpa sebarang halangan.

Batu itu menggunakan Lewissian gneiss, sejenis bahan lama dan cantik dengan corak beralun warna kelabu. Ketika mengelak daripada angin kuat, kami berlindung di sebuah kawasan lapang di tengah-tengah batu bersama tiga pelawat. Walaupun tidak saling mengenal, kami tetap

berbual mengenai pelbagai perkara seperti kuasa angin dan perubahan iklim hinggalah kepada bahasa Gaelic (bahasa pertuturan masyarakat tempatan) dan sastera. Saya percaya bulatan itu sering menjadi tempat bersosial dan lokasi terbaik untuk berbual. Kemudian, kawan-kawan baru saya mengambil arah masing-masing dan saya akhirnya memiliki batu itu untuk diri sendiri. Tidak ada had masa lawatan dan saya sendiri berasa sukar untuk meninggalkannya. Saya terus berada di situ dua jam lagi.

Penemuan kami dengan batu Lewis tidak berakhir di situ. Anggaran beberapa batu ke utara, terdapat pula tapak peninggalan Dun Carlowy, rumah batu yang dibina lebih kurang 3,000 tahun lalu. Duns atau broch ialah rumah yang dibina menggunakan batu besar dan sisa-sisa peninggalan rumah itu terdapat di seluruh pulau. Dua dinding berukuran tiga meter tebal dihubungkan dengan batu leper besar. Bekas peninggalan dinding Dun Carlowy adalah setinggi sembilan meter dan kami memanjat tangga yang masih ada di situ. Dipercayai tangga itu pernah digunakan untuk ke galeri yang berada di tingkat atas. Memang menakutkan kerana dinding ini dibina tanpa menggunakan lepa tetapi masih kukuh walaupun sudah lebih 3,000 tahun.

Hanya beberapa batu dari situ kami melompat ke era Norsemen, melihat kepada nama-nama tempat yang kebanyakannya menggunakan perkataan Norse. Ramai daripada kalangan penduduknya mendakwa berketurunan Viking atau perwira Scandinavia yang dikatakan tiba di sini lima ratus tahun lalu dan menjadikan Hebrides sebagai

Lima fakta mengenai Outer Hebrides

- Ia juga dikenali sebagai Western Isles dan meliputi kawasan seluas kira-kira 3,000 km persegi termasuk 6,000 tasik dan lebih 1,300 sungai.
- Cuaca terbaiknya dari Mei hingga September.
- Pulau ini kaya dengan hidupan liar dan menjadi habitat penting untuk kebanyakan spesies yang jarang ditemui, seperti koloni (paling luas bagi puffins burung laut berparuh besar) di Britain, dan tempat tumpuan utama memerang di Eropah.

Maklumat
www.wildlifehebrides.com
■ Harris Tweed, iaitu sejenis

kain kapas paling diminati di dunia, berasal dari sini. Harris Tweed yang tulen dibuat daripada kapas yang telah dicuci dan ditenun oleh penduduk Outer Hebrides. ■ Pada setiap musim panas, pulau ini menganjurkan acara sukan lasak paling sukar di Eropah – Hebridean Challenge, iaitu perlumbaan yang membabitkan beberapa disiplin; berkayak, berlari, menunggang basikal dan berenang dari Barra ke Butt of Lewis selama empat hari. Tahun ini, acara tersebut akan berlangsung dari 29 Jun hingga 4 Julai 2008.
Maklumat
www.hebrideanchallenge.com

Untuk ke sana

Perkhidmatan Malaysia Airlines berlepas dari Kuala Lumpur to London 14 kali seminggu dan dari situ (menerusi penerbangan 'codeshare' bersama British Midlands Flights) ke Aberdeen 14 kali seminggu, Edinburgh 14 kali seminggu dan Glasgow 21 kali seminggu

Pengangkutan biasa dan feri penumpang menghubungkan Outer Hebrides dengan tanah besar Scotland di Oban dan Ullapool, dan ke Uig di Skye. Jarak Oban dari Glasgow ialah 145 km atau dua setengah jam pemanduan. Terdapat feri yang menghubungkan Barra ke Uist dan ke Harris.
Maklumat www.visithebrides.com



(Muka sebelah) Bangunan runtuh di kawasan terpencil, Barra Head di bahagian paling selatan pulau-pulau Hebridean ini ialah rumah kepada penjaga rumah api sehinggalah rumah api dimodrenkan pada tahun 1980; Nombor 42 Arnol dibina di Lenis pada 1885 adalah tempat rehat tradisional tipikal dengan unggun api di tengah-tengah bilik; (Facing page) Ruined buildings on remote Barra Head, the most southerly of the Hebridean islands, housed the lighthouse keeper until the lighthouse became automated in 1980; Number 42 Arnol, built on Lewis in 1885, was a typical traditional dwelling with a peat fire in the middle of the room.

pengkalan utama mereka. Di sini, di Shawbost, kincir dan relau Norse juga telah dibaikpulih.

Perkembangan seni bina bergerak perlahan di Hebrides. Pelan asas broch, seperti juga kincir Norse digunakan untuk membina bangunan bernombor 42 Arnol pada 1885. Dikenali sebagai rumah hitam, ia juga seperti bangunan lain di sini yang diterbiar tanpa penghuni sehinggalah 1964. Selepas itu, rumah berkenaan dibaikpulih dan dibuka kepada pelawat. Kelihatan api kecil sentiasa menyala di tengah-tengah rumah. Mengikut tradisi, api itu digunakan untuk mengeringkan jerami.

Ketiadaan pokok di seluruh Outer Hebrides menyukarkan kerja-kerja pemasangan bumbung. Justeru itu, kayu hanyut dan tulang ikan paus digunakan untuk menyokong bumbung yang dibuat daripada lapisan tumbuh-tumbuhan renik dan dilitupi jerami. Tetapi untuk membentuk dinding, tiada masalah kerana di Outer Hebrides terdapat banyak batu. **GP**

Five facts about Outer Hebrides

- Outer Hebrides experiences its best weather from May to September.
- It is also known as the Western Isles and covers an area of approximately 3,000 sq km, much of which is inland water made up of over 6,000 lochs and more than 1,300 streams.
- The islands teem with wildlife and are important natural habitats for many rare and important species, including the largest colony of puffins in Britain, biggest colony of fulmars in the world and densest concentration of otters in Europe.

Information

www.wildlifehebrides.com
■ Harris Tweed, a type of wool textile and one of the most desired in the world, has its roots here. Bona fide Harris Tweed is made from wool that has been cleaned, spun and woven by the islanders of Outer Hebrides.
■ Every summer, the islands host Europe's toughest adventure sports event, the Hebridean Challenge, a four-day multiple-discipline race where teams from around the world pit their strength and skills in kayaking, running, cycling and swimming from the Barra to Butt of Lewis. This year, it takes place from 29 June – 4 July 2008.
Information
www.hebrideanchallenge.com

Getting there

Malaysia Airlines flies from Kuala Lumpur to London 14 times weekly and from there (via codeshare flights with British Midlands Flights) to Aberdeen and Edinburgh, both 14 times weekly, and Glasgow 21 times weekly

Regular vehicle and passenger ferries link the Outer Hebrides to the Scottish mainland at Oban and Ullapool, and to Uig in Skye. Oban is 145km from Glasgow, a two-and-a-half hour drive. Inter-island ferries link Barra to Uist to Harris.
Information
www.visithebrides.com